

Headline	Tarif elektrik dijangka naik 6 hingga 7 sen 2014		
MediaTitle	Kosmo		
Date	29 Nov 2013	Language	Malay
Circulation	115,967	Readership	406,000
Section	Niaga	Page No	L-58
ArticleSize	172 cm <sup>2</sup>	Journalist	N/A
PR Value	RM 4,485		



# Tarif elektrik dijangka naik 6 hingga 7 sen 2014

**KUALA LUMPUR** – Malaysia mungkin menaikkan tarif bekalan elektrik antara enam dan tujuh sen bagi satu kilowatt tahun depan, kata Menteri Tenaga, Teknologi Hijau dan Air, Datuk Seri Maximus Ongkili (**gambar**).

Bagaimanapun Ongkili berkata, kerajaan akan memastikan kenaikan tarif tidak menjejaskan kumpulan berpendapatan rendah.

“Kerajaan masih mengkaji kadarnya. Ia mungkin antara 10 peratus dan 20 peratus,” katanya sambil menambah, angka di bawah 20 peratus adalah munasabah.

“Kadarnya adalah munasabah. Ia merupakan semakan minimum bagi Tenaga Nasional Bhd. dan ia mencerminkan kos modal, pengurusan dan gaji,” katanya kepada pemberita di sini semalam.



Ongkili membayangkan bahawa kerajaan akan mengekalkan struktur semasa dengan pengguna yang menggunakan 300 kWh sebulan atau kurang, tidak dikenakan tarif baharu itu.

“Oleh itu, tiada kenaikan tarif dijangkakan untuk 75 peratus pengguna isi rumah (4.4 juta pengguna), pengguna ‘lifeline’ (3.3 juta pengguna) dan pengguna 201-300 kWh (1.1 juta pengguna),” ujarnya.

Selain itu, beliau menjelaskan, kadar itu juga bergantung kepada sejauh mana kerajaan mahu mengurangkan subsidi dan menyalurkannya kepada pembangunan sosioekonomi.

Beliau berkata, kerajaan sentiasa memberi isyarat bahawa subsidi akan dikurangkan dan ia akan dilakukan secara berperingkat-peringkat.

Tambah Ongkili, kerajaan membelanjakan kira-kira RM130 juta untuk subsidi setiap tahun bagi tarif manakala selebihnya ditanggung oleh Petronas kira-kira RM8 bilion hingga RM10 bilion setahun untuk sektor tenaga.

Berbanding tarif semasa negara anggota ASEAN, Ongkili berkata, Malaysia lebih rendah berbanding Thailand dan Filipina, namun tinggi berbanding Indonesia memandangkan republik itu merupakan negara yang paling banyak memberi subsidi kepada sektor tenaga.

“Kami (Menteri Kabinet) akan bermesyuarat minggu ini. Kami akan mengujikannya,” katanya.

Kali terakhir tarif elektrik dikaji ialah pada Jun 2011 apabila harga gas subsidi dinaikkan kepada RM13.70 (mmbtu) daripada RM10.70 mmbtu sebelumnya. – Bernama